

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

27 lagi rayuan pertukaran penempatan dokter diluluskan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan 27 lagi rayuan pegawai perubatan bagi pertukaran penempatan.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata sebelum ini KKM meluluskan 332 daripada 1,834 rayuan yang diterima mengenai perkara sama.

"Bagi yang lain itu, maknanya mereka harus pergi melaporkan diri di tempat baharu. Kalau ada rayuan selepas itu, kita akan tengok kembali. Tetapi kalau dah sampai di tempat itu, biar mereka serasi dahulu," katanya kepada media selepas merasmikan National Regulatory Conference 2023 (NRC 2023) di sini, semalam.

Dr Zaliha turut menasihati mereka yang tidak diluluskan rayuan menjalankan tugas dengan melihat kepada tugas hakiki sebagai doktor untuk berkhidmat kepada masyarakat dan sebagai penjawat awam.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermaksud rayuan mereka langsung tidak dipedulikan.

"Kita akan kaji lagi rayuan yang mungkin ada merit untuk kita perhalusi kembali. Insya Allah kalau ada juga mungkin rayuan ada merit, yang keduanya mungkin penempatan yang mereka minta ada kekosongan dan kita akan cuba bantu memenuhi permintaan ini," katanya.

Dr Zaliha berkata, setakat ini KKM sudah menjalankan tiga kali proses kelulusan rayuan dan walaupun rayuan masih dibuka, proses itu ditangguh sementara.

"Tangguh sekejap untuk beri ruang mereka buat kerja dahulu dan sebab perkhidmatan kena diteruskan untuk masyarakat," katanya.

Sebelum ini, Dr Zaliha berkata, seramai 4,155 pegawai perubatan berjaya diserapkan ke jawatan tetap dan sekiranya pegawai terbabit dikkalkan di penempatan sedia ada, akan berlaku penempatan tanpa jawatan yang mana ia menyalahi peraturan kewangan.

Setiap tahun, terdapat lebih 1,000 kekosongan di Sabah serta Sarawak dan ia mungkin disebabkan faktor jarak yang jauh atau kekurangan kemudahan menyebabkan ramai menolak untuk dihantar ke kedua-dua negeri itu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

KKM akan teliti permohonan dari semasa ke semasa

359 rayuan pegawai perubatan diluluskan

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan 359 rayuan permohonan pertukaran penempatan pegawai perubatan di seluruh negara dengan terbaru membabitkan 27 permintaan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, pihaknya telah meluluskan 332 rayuan pada 27 Jun dan 24 Julai lalu apabila menerima 1,843 rayuan daripada 4,155 pegawai perubatan yang ditawarkan ke jawatan tetap.

Katanya, kesemua 359 pegawai perubatan itu telah selesai melapor diri di tempat baharu.

"Kalau kita lihat ada lebih 1,800 rayuan diterima KKM dan kita sudah luluskan 332 rayuan dan terbaharu 27 rayuan dengan kesemua mereka telah pun melaporkan diri.

"Kalau ada rayuan selepas daripada itu kita akan lihat kembali, dan kalau sudah sampai tempat tersebut, selesaikan (berkhidmat) dahulu," katanya selepas menyempurnakan perasmian Persidangan Kawal Selia Kebangsaan 2023 di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Zaliha meminta kesemua pegawai perubatan yang masih menunggu permohonan pertukaran penempatan mereka diluluskan untuk kekal bersabar dan pada masa sama teruskan berkhidmat dengan cemerlang.

"Pastinya kita perlu melihat kepada tugas hakiki sebagai seorang doktor, sebagai penjawat awam untuk terus berkhidmat. Perkhidmatan perlu diteruskan," ujarnya.

Selain itu, beliau menegaskan, pihaknya akan sentiasa meneliti rayuan permohonan



DR. ZALIHA (dua dari kiri) pada perasmian Persidangan Kawal Selia Kebangsaan 2023 di Kuala Lumpur semalam.

penempatan yang dikemukakan dari semasa ke semasa.

Bagaimanapun jelasnya, buat masa ini perkara itu dihentikan seketika bagi memastikan setiap daripada pegawai perubatan menjalankan tugas dengan baik.

"Tidak bermaksud rayuan (permohonan penempatan) itu langsung tidak dipedulikan, kita akan kaji lagi rayuan-rayuan yang mungkin memang ada merit untuk kita perhalusi.

"Insya-Allah, kalau rayuan ada merit dan mungkin pe-

empatan yang mereka minta itu ada kekosongan, kita akan cuba permudahkan permintaan tersebut," jelasnya.

Terdahulu, Dr. Zaliha berkata, rayuan pertukaran penempatan yang diluluskan sebelum ini melibatkan negeri-negeri di Semenanjung.

Jelasnya, kebanyakannya kelulusan permohonan bukan mengikut penempatan rayuan diminta pegawai berikutan tiada kekosongan jawatan di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 19

RUANGAN : NASIONAL

KKM lulus 359 rayuan pertukaran doktor

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah meluluskan 359 rayuan permohonan penempatan pegawai perubatan di seluruh negara setakat ini.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, jumlah permohonan selebihnya pula akan diperhalusi kemudian berdasarkan kepada merit rayuan dan kekosongan di kawasan penempatan yang dimohon.

"Kalau rayuan ada merit dan mungkin penempatan yang mereka minta itu ada kekosongan, kita akan cuba permudahkan permintaan tersebut.

"Namun pada masa ini kita kena berhenti sekejap untuk pastikan mereka melakukan tugas dulu kerana perkhidmatan sebagai doktor dan penjawat awam kena diteruskan," katanya pada Selasa.

Pada akhir Julai lepas, Dr Zaliha memaklumkan KKM menerima sebanyak 1,834 rayuan pertukaran penempatan pegawai perubatan dan antara alasan dikemukakan adalah pegawai sedang mengikuti pengajian kepakaran dan menghadapi masalah keluarga yang serius. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : DALAM NEGERI

Kementerian lulus 27 kes rayuan pegawai perubatan

Oleh CATHERINE IRENE MILTON
catherine.irene@mediamulla.com.my


KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan 27 kes daripada tiga pusingan rayuan berhubung pertukaran penempatan perkhidmatan yang dimohon pegawai perubatan sebelum ini.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, bagaimana pun permohonan rayuan masih dibuka, namun keputusan bagi kelulusan permohonan tersebut akan diperlahankan dahulu buat masa ini.

Katanya, ini bagi memberi ruang kepada kementerian membuat penilaian dalam mengenal pasti kelayakan rayuan sebelum ini untuk diluluskan.

"Ini tidak bermakna rayuan tersebut tidak dipedulikan langsung, malah, kita akan melihat tugas hakiki sebagai seorang pegawai perubatan dan penjawat awam.

"Kalau rayuan tersebut mempunyai merit dan penempatan yang mereka minta itu ada kekosongan, mungkin kita akan memudahkan permintaan rayuan tersebut," katanya ke-



ZALIHA Mustafa melawat pameran selepas merasmikan National Regulatory Conference (NRC) 2023 di Kuala Lumpur semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

pada pemberita selepas merasmikan National Regulatory Conference (NRC) 2023 di sini semalam.

Justeru Zaliha menambah, bagi pegawai kesihatan yang diluluskan rayuan, mereka perlu

melaporkan diri di penempatan baharu dengan segera.

Namun begitu katanya, jika ada rayuan lain selepas itu, KKM akan meneliti kembali rayuan berkenaan.

Sehubungan itu beliau berka-

ta, KKM akan sentiasa mengkaji rayuan berdasarkan kelebihan pegawai itu untuk diperhalusi.

Terdahulu, beliau memaklumkan 332 daripada 1,834 rayuan pertukaran tempat perkhidmatan telah diluluskan.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NATION

27 medical officers' appeal approved

PETALING JAYA: Another 27 medical officers' appeals for transfer have been approved, says the Health Minister.

Dr Zaliha Mustafa said so far, three rounds of appeals for transfer had been carried out by the ministry.

"The rest have to report for duty but we will continue to evaluate the appeals for transfer. Those who have been given postings should start settling down and assume their work.

"However, it does not mean they cannot appeal because it is still an open option for them, but we are just pausing to ensure the officers can continue their services," she told reporters here yesterday in response to the issue.

She also advised those whose appeals were not approved to carry out their duties as doctors to serve the community and as civil servants, adding that it did not mean their appeals were ignored.

"We will study the appeals that may have merit for us to reconsider. There are appeals with merits and placement vacancies they requested. We will try to facilitate," she said.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Appeals for transfer by doctors approved

KUALA LUMPUR: The Health Ministry has approved 359 appeals for transfer by medical officers throughout the country.

Its minister Dr Zaliha Mustafa said remaining applications would be scrutinised later based on merit and the vacancies available in the areas applied for.

Last month, Zaliha said the ministry had received 1,834 appeals for transfer from medical officers and one of the reasons given was that the officers were pursuing specialist studies and facing serious family problems.

"If the appeal has merit and there is a vacancy in the area they applied for, we will try to facilitate their requests.

"At the moment we have to pause for a while to make sure they do their jobs first because their service as doctors and civil servants must continue," she said after launching the National Regulatory Conference 2023 organised by the National Pharmaceutical Regulatory Division (NPRA) and Malaysian Pharmacy Association yesterday.

She said NPRA is poised towards creating an agile regulatory framework that could adapt quickly, not only to scientific advancements and new technologies in pharmaceuticals but also to any emerging health threat.

Zaliha added that this involves flexible approval pathways, expedited reviews for urgent medical needs and an openness towards adaptive clinical trial designs.

"Additionally, in response to resource limitations, NPRA is also progressing from conventional and routine practices to a risk-based approach for both pre-market authorisation and post-market surveillance activities.

"Thus, it is high time for a structural or organisational reform to be considered for a more effective and efficient regulatory delivery system that would ultimately benefit public health and support the growth of a globally recognised pharmaceutical industry in the country."

She said the total pharmaceutical industry market by value and volume in 2019 was reported at RM9.18 billion and 309 million units respectively.

Zaliha said with this sizeable value, the sector plays a critical role in the economic progress of the country and growth of the healthcare system.

She expressed hope that the conference would offer an opportunity for knowledge exchange and discussions on regulatory reforms to ensure the pharmaceutical industry would continue to make a significant and positive impact on local and global health outcomes.

- Bernama